

Headline	Tanah wakaf mampu jana untung		
MediaTitle	Kosmo		
Date	26 Aug 2019	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	1,2	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	840 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 21,799
Frequency	Daily	PR Value	RM 65,397



TANAH wakaf sesuai dijadikan kawasan penanaman durian Musang King. - Gambar hiasan

Tanam Musang King di tanah wakaf

KIRA-KIRA 26,100 hektar tanah wakaf terbiar di seluruh negara yang nilainya mencecah RM58 bilion dicadang dibangunkan dengan penanaman pokok durian Musang King.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Ishak Ismail (gambar kecil) berkata, pihaknya meminta

FAMA cadang bangunkan aktiviti penanaman durian di kawasan terbiar

kerajaan negeri dan Majlis Agama Islam mempertimbangkan cadangan tersebut dalam usaha menggalakkan lebih ramai penanam baharu sekali gus memberi nilai tambah kepada tanah wakaf itu sendiri.

» BERITA DI MUKA 2

Headline	Tanah wakaf mampu jana untung		
MediaTitle	Kosmo		
Date	26 Aug 2019	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	1,2	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	840 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 21,799
Frequency	Daily	PR Value	RM 65,397

FAMA mahu tanam pokok durian Musang King di kawasan terbiar

Tanah wakaf mampu jana untung

PORT DICKSON – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) merancang untuk membangunkan tanah wakaf terbiar khususnya di pinggir bandar dan kawasan terpencil yang terdapat di seluruh negara dengan penanaman durian.

Sehubungan itu, Pengerusinya, Ishak Ismail meminta kerajaan negeri dan Majlis Agama Islam mempertimbangkan hasrat berkenaan dalam usaha menggalakkan lebih ramai penanam baharu sekali gus memberi nilai tambah kepada tanah wakaf itu sendiri.

"Kita mahu menjalinkan kolaborasi bersama kerajaan negeri atau Majlis Agama Islam, untuk melihat tanah terbiar ini dapat diusahakan bersama FAMA kerana kita lihat ia sangat berpotensi untuk kita tingkatkan nilai dengan cara penanaman durian Musang King.

"Kita mahu jadikan tanah wakaf itu sebagai tapak pertanian yang diusahakan oleh penanam muda dan hasil yang diperolehi nanti kita akan pasarkan ke luar sama ada melalui FAMA atau ruang pasaran yang disediakan," katanya selepas merasmikan majlis penutup Kursus Upskilling Pembangunan Tanaman Musang King di Institut Latihan FAMA di sini semalam.



TANAH wakaf terbiar di seluruh negara bakal dibangunkan oleh FAMA untuk ditanam dengan pokok durian Musang King. – Gambar hiasan



ISHAK (tengah) menyempurnakan gimik penanaman anak pokok durian Musang King pada Majlis Perasmian Kursus Upskilling di Port Dickson semalam.

Menurut Ishak, berdasarkan data yang diperolehi, terdapat banyak tanah wakaf terbiar di seluruh negara yang mencecah

nilai sehingga RM58 bilion tetapi terbiar begitu sahaja tanpa diusahakan.

Mengenai penanaman durian



DURIAN Musang King menjadi buruan peminat raja buah kerana rasanya yang enak.

Musang King, Ishak berkata, menurut pakar pertanian, sepon pokok matang durian Musang King dapat mengeluarkan hasil sebanyak 120 biji durian, dan mampu memberi pulangan sebanyak RM3,600, jika harga buah dijual dengan RM20 sekilogram.

Katanya, pulangan menjual Musang King dilihat lebih tinggi jika dibandingkan dengan tanaman lain seperti nanas, kelapa, kelapa sawit dan getah.

"Harga durian Musang King secara purata mencecah RM30 hingga RM100 sekilogram bagi pasaran tempatan, manakala RM400 hingga RM800 sekilogram bagi pasaran luar negara, tidakkah itu sangat menguntungkan," katanya.

INFO Durian Musang King

- Dikenali juga Raja Kuning atau Mao Shan Wang
- Berasal dari Tanah Merah, Kelantan
- Didaftarkan pada tahun 1993 (Jabatan Pertanian)
- Harga pasaran mencecah antara RM60 sehingga RM100 sekilogram
- Mendapat sambutan baik di China, Singapura, Hong Kong dan Australia
- Raub dan Bentong, Pahang pengeluar terbesar dengan keluasan dusun 10,000 hektar



Ishak berkata, walaupun pembangunan durian Musang King diperhebatkan di pasaran luar negara, tetapi pihaknya memberi jaminan bahawa raja buah itu boleh dinikmati oleh masyarakat tempatan, dengan harga yang mampu milik. – Bernama